

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1999/2000

Februari 2000

AAP 326 - Seminar Teori dan Isu Perakaunan

Masa: [ 3 jam ]

---

**ARAHAN :**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan. **PASTIKAN ANDA MENULIS ANGKA GILIRAN.**

---

Soalan 1

Apakah faktor-faktor & rentetan peristiwa yang mendorong kepada pembentukan rangka kerja konseptual. Bincangkan secara terperinci bagaimana faktor-faktor dan peristiwa-peristiwa tersebut mempengaruhi kewujudan rangka kerja konseptual?

[ 15 markah ]

Soalan 2

Konsep konservativisme telah banyak mempengaruhi pembangunan teori perakaunan dan praktis. Kesan utama konservativisme adalah apabila akauntan cuma mengiktiraf rugi (*losses*) tetapi tidak laba (*gains*). Contohnya, apabila nilai sesuatu aset berkurangan ia akan disusutnilaikan kepada nilai saksama (*fair value*) dan kerugian yang tidak direalis (*unrealised*) akan dimasukkan ke dalam penyata pendapatan (akaun untung rugi). Walau bagaimana pun apabila nilai aset itu meningkat, nilainya tidak ditambah kepada nilai saksama (*pengecualian*: perakaunan untuk pelaburan dalam sekuriti yang menggunakan harga semasa). Sebagai kesimpulannya, akauntan mengiktirafkan kerugian pemegangan (*holding losses*) tetapi tidak laba pemegangan (*holding gains*).

Dikehendaki:

- (a) Bagaimanakah konsep konservativisme mempengaruhi pelaporan kewangan? Jelaskan.
- (b) Adakah anda berpandangan bahawa laporan kewangan yang cuma mengiktirafkan kerugian tetapi tidak laba dapat memberikan maklumat yang relevan dan perwakilan ikhlas (*representationally faithful*)? Terangkan pandangan anda dengan terperinci.

...2/-

- (c) Adakah anda berkepercayaan bahawa konsep konservatisme adalah selari dengan konsep penyelenggaraan modal fizikal (*physical capital maintenance concept*)? Terangkan.
- (d) Adakah anda juga berpandangan bahawa konsep konservatisme adalah selari dengan konsep penyelenggaraan modal kewangan (*financial capital maintenance concept*)? Kenapa?

[ 25 markah ]

Soalan 3

Sebuah syarikat runcit telah memulakan perniagaan pada akhir tahun 1998 dengan membeli barang yang bernilai RM600,000. Tiada jualan yang dibuat di dalam tahun tersebut (1998). Semasa tahun 1999 barang tambahan sebanyak RM3,000,000 dibeli. Belanja operasi (tidak termasuk bonus pihak pengurusan) berjumlah RM400,000 dan jumlah jualan untuk tahun 1999 adalah RM6,000,000. Perjanjian pampasan pengurusan menyatakan bahawa 1% dari keuntungan selepas cukai layak diberi bonus insentif. Kadar cukai adalah 25% dan andaikan perakaunan untuk operasi dan cukai adalah sama.

Syarikat masih kurang pasti tentang kaedah mana yang patut digunakan bagi mengira inventori, samada Masuk Dulu Keluar Dulu (MDKD) atau Masuk Kemudian Keluar Dulu (MKKD). Untuk tahun berakhir 1999, inventori akhir bernilai RM700,000 di bawah kaedah MKKD dan RM1,000,000 menggunakan kaedah MDKD.

Dikehendaki:

- (a) Bagaimana nombor perakaunan dapat digunakan bagi memantau (*monitor*) kontrak agensi di antara pemilik dan pengurus?
- (b) Nilaikan insentif-insentif yang ada untuk pihak pengurusan memilih kaedah MDKD atau MKKD.
- (c) Apakah kesan-kesan ke atas harga sekuriti dan kekayaan pemilik (shareholder wealth) hasil penggunaan samada MDKD atau MKKD? [*Andaikan bahawa pasaran modal adalah cekap*].
- (d) Kenapakah perjanjian pampasan pengurusan dikatakan berkemungkinan tidak berfungsi sebagaimana yang diharapkan sebagai mekanisme pemantauan agensi?

[ 25 markah ]

...3/-

Soalan 4

Lev (1979) telah mengkaji kesan harga sekuriti ke atas firma gas & minyak dalam memenuhi keperluan piawaian perakaunan SFAS 19. Firma gas & minyak telah diminta menggunakan kaedah usaha berjaya (*successful efforts*) bagi mengambil kira kos peninjauan (*exploration costs*).

Dikehendaki:

- (a) Apakah dapatan yang diperoleh dari kajian tersebut?
- (b) Huraikan antara sebab-sebab yang boleh menjelaskan dapatan kajian tersebut.
- (c) Bagaimanakah dapatan kajian yang seperti di atas dapat menolong pembentukan teori perakaunan?

[ 20 markah ]

Soalan 5

Bincangkan andaian-andaian yang terkandung di dalam model permintaan dan penawaran bagi hipotesis pasaran cekap. Kenapakah pasaran sekuriti dilihat sebagai satu contoh yang baik bagi model permintaan dan penawaran? Bincangkan tentang ketiga-tiga jenis hipotesis pasaran cekap.

[ 15 markah ]

---ooo000ooo---

